

29/03/1997

Manfaat lawatan pemimpin asing

H H

SECARA kebetulan minggu ini, Ketam Batu bertemu dengan seorang saudagar besar dari Arab Saudi. Omar yang memiliki kumpulan syarikat terkemuka beribu pejabat di Jeddah, mempunyai beberapa projek di Malaysia. Syarikatnya kini terbabit dalam kegiatan ternak udang harimau di negara kita sejak beberapa tahun lalu. Projek itu kini berjalan baik, walaupun peringkat awal ia pernah mendapat bantahan daripada orang kampung.

Menerusi usaha sama dengan sebuah syarikat tempatan, Omar seperti beberapa syarikat asing lain, berjaya mendapat beberapa kerja pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Hari itu, Omar merungut dan resah kerana kapal terbang milik negaranya tersasar daripada jadual penerbangan beberapa jam. Katanya, sebagai ahli perniagaan dia memang sangat memerlukan setiap penerbangan antarabangsa yang dinaiki tidak lewat.

Ditanya mengapa dia perlu sampai cepat di Jeddah, Omar memberitahu dia terpaksa menyiapkan beberapa perkara mengenai satu perjumpaan kumpulannya dengan pemimpin ternama. Rupa-rupanya Omar terpaksa bergegas pulang dari Kuala Lumpur ke tanah airnya untuk turut serta dengan ahli Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jeddah yang lain, pada majlis makan tengah hari dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Katanya, sempena lawatan Dr Mahathir untuk menerima anugerah Raja Faisal, dewan itu mengambil kesempatan bertemu dan mendengar sendiri daripada Perdana Menteri peluang perdagangan dan kerjasama yang boleh disertai oleh ahli dewan itu.

Menurut Omar, ketika Dr Mahathir melakukan lawatan rasminya ke Arab Saudi Disember lalu, perbincangan seperti itu hanya diadakan di Riyadh. Ia dianjurkan oleh Dewan Perdagangan dan Perindustrian Arab Saudi.

"Kali ini Dewan Perniagaan Jeddah mahu memastikan kita tidak terlepas peluang itu. Walaupun Dr Mahathir datang sekejap, kita mesti jemput dia berdialog dengan ahli," katanya.

Lagipun katanya, kalangan usahawan Arab, sudah dengar banyak cerita mengenai Wawasan 2020 dan pelbagai usaha Malaysia untuk menjadi negara maju. Mereka percaya banyak peluang perniagaan di Malaysia.

Sudah menjadi kebiasaan bagi Dewan Perniagaan Jeddah, kata Omar, akan mengambil peluang seperti itu untuk bertemu dan berdialog dengan siapa saja pemimpin negara yang datang ke bandar pelabuhan itu. Dewan itu percaya, hubungan yang terjalin kelak dapat memudahkan lagi ahli mereka meneroka dan merebut peluang perdagangan di luar Arab Saudi.

Dr Mahathir sendiri pun memang kebiasaannya tidak akan menolak pertemuan seperti itu. Boleh dikatakan ke mana saja lawatannya, dialog dan perbincangan dengan dewan perdagangan sama ada peringkat pusat atau wilayah, di sesebuah negara pasti akan diatur.

Sayangnya komitmen seperti itu tidak banyak ada pada dewan perdagangan kita di Malaysia sama ada di peringkat pusat mahupun negeri terutamanya Dewan Melayu. Kebiasaannya, mereka hanya akan turut serta dengan rombongan Perdana Menteri ke luar negara. Dewan ini tidak begitu cergas sangat adakan dialog mahupun pertemuan jika ada pemimpin negara asing datang melawat Kuala Lumpur. Mereka seperti tidak tahu mengambil dan menggunakan kesempatan itu.

Jika kita lihat atur cara pemimpin dunia yang datang ke Kuala Lumpur, mereka akan lawat Proton, EON, Modenas, Porim, Perwaja sebelum berehat di Langkawi.

Jarang sekali mereka adakan pertemuan dan dialog macam dewan perniagaan

negara lain buat apabila Perdana Menteri kita melawat negara mereka.

Mungkin aturcara itu diatur oleh kerajaan. Tetapi kita yakin banyak mereka boleh buat jika benar-benar mahu dialog dengan pemimpin asing dimasukkan dalam atur cara itu.

Ketam Batu rasa, dewan perdagangan pusat mesti duduk dengan dewan-dewan negeri bincang mengenai perkara ini. Lebih-lebih lagi dengan dewan perniagaan Kuala Lumpur kerana ibu kota adalah tumpuan utama kedatangan pemimpin asing.

Omar akan pulang semula ke Kuala Lumpur beberapa hari lagi. Mungkin kita boleh hubungi dia untuk beritahu apakah antara perkara yang dibincangkan oleh ahli mereka dalam majlis tertutup dengan Dr Mahathir.

Difahamkan Dr Mahathir dalam pertemuan itu, sangat berharap cadangan penubuhan Majlis Perniagaan Bersama dapat segera dilaksanakan. Mereka yang diamanahkan untuk buat kerja ini, segeralah bertindak dan jangan duduk di atasnya. Sikap berleengah-leengah ini bukan mencerminkan bangsa yang hendak cepat maju.

Perdana Menteri juga menyatakan rasa terima kasihnya kepada Dewan Perdagangan dan Perindustrian Jeddah yang memberi banyak bantuan kepada Matrade bagi mengadakan pelbagai promosi perdagangan. Dengan kerjasama dewan itu dan Matrade, difahamkan satu pameran barangan Malaysia akan diadakan di Jeddah selama enam hari mulai 8 Jun ini.

Kita mahu banyak syarikat Melayu terkemuka yang keluarkan barangan tempatan bermutu, lebih-lebih lagi ahli dewan perniagaan, tidak lepaskan peluang untuk menyertai pameran ini. Jangan sampai di negeri Arab ini, syarikat Melayu kita pun masih segan hendak datang berbanding syarikat bangsa lain.

Jika bangsa lain terutama yang bukan Islam pun boleh bekerjasama dengan syarikat di Saudi ini, tidak ada alasan kita tidak boleh buat. Lebih-lebih lagi Dr Mahathir adalah antara tokoh Islam yang dianggap oleh Arab Saudi banyak memberi sumbangan kepada bukan saja umat seagama tetapi juga bukan Islam.

Kita ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana mendapat anugerah Raja Faisal minggu lalu. Yayasan Raja Faisal berpendapat beliau banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dan kemajuan Islam serta umatnya di Malaysia tanpa mengetepikan orang bukan Islam. Cuma kita sedih, ada rakyat kita sendiri yang enggan iktiraf ramai pemimpin kita banyak beri sumbangan kepada mereka.

(END)